



SOALAN LAZIM ASAS PENGELUARAN i-LESTARI

BIL.	SOALAN & JAWAPAN
1.	Bilakah ahli boleh mula mengemukakan permohonan Pengeluaran i-Lestari?
	Ahli boleh mula mengemukakan permohonan Pengeluaran i-Lestari mulai 1 April 2020.
2.	Apakah amaun yang layak dikeluarkan oleh ahli di bawah Pengeluaran i-Lestari?
	Amaun yang layak dikeluarkan oleh ahli di bawah Pengeluaran i-Lestari adalah: <ol style="list-style-type: none"> i. Apa-apa baki simpanan dalam Akaun 2 tidak melebihi jumlah maksimum RM500 sebulan untuk tempoh selama 12 bulan (1 tahun) tertakluk kepada: <ul style="list-style-type: none"> • Baki Akaun 2 semasa proses pembayaran pada bulan berkenaan dibuat • Bayaran bermula dari bulan permohonan diterima oleh KWSP sehingga Mac 2021 ii. Pengeluaran boleh dibuat bagi tempoh 1 tahun (12 bulan) iaitu dari bulan April 2020 hingga bulan Mac 2021 tertakluk kepada para 2(i) iii. Bayaran Pengeluaran i-Lestari akan mula dibuat mulai Mei 2020
3.	Bagaimanakah ahli boleh mengemukakan permohonan Pengeluaran i-Lestari?
	Borang permohonan yang lengkap diisi boleh dikemukakan melalui tiga (3) saluran berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Secara dalam talian (e-Pengeluaran melalui i-Akaun); atau ii. Secara e-mel kepada ilestarimohon@epf.gov.my; atau iii. Secara pos/pos berdaftar ke alamat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Karung Berkunci No 220, Jalan Sultan 46720 Petaling Jaya (Pengeluaran iLestari) <p>Ahli perlu membuat permohonan sekali sahaja dan pembayaran Pengeluaran i-Lestari akan dikreditkan secara berulang (<i>recurring</i>) ke dalam akaun bank ahli seperti mana di para 2(i).</p>
4.	Siapakah yang layak untuk membuat Pengeluaran i-Lestari?
	Ahli-ahli berikut layak untuk membuat Pengeluaran i-Lestari: <ol style="list-style-type: none"> iv. Warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap v. Berumur di bawah 55 tahun vi. Mempunyai baki simpanan di dalam Akaun 2 tertakluk kepada baki Akaun 2 semasa proses pembayaran pada bulan berkenaan dibuat vii. Bukan Warganegara Malaysia (Fasa 2)
5.	Mengapakah amaun Pengeluaran i-Lestari terhad kepada maksimum RM500 dan secara bulanan?
	Pengeluaran i-Lestari ini bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan ahli untuk memenuhi keperluan asas bulanan dalam tempoh pandemik Covid-19 ini. Jumlah maksimum

	RM500 sebulan ini adalah jumlah yang munasabah bagi menambah sumber kewangan ahli untuk memenuhi keperluan asas untuk bulan yang berkenaan.
6.	Mengapakah kekerapan bayaran Pengeluaran i-Lestari terhad untuk sekali sebulan?
	Kekerapan bayaran Pengeluaran i-Lestari sekali sebulan adalah kerana pengeluaran ini bertujuan untuk menambah sumber pendapatan bulanan ahli bagi memenuhi keperluan asas setiap bulan.
7.	Mengapakah Pengeluaran i-Lestari hanya untuk tempoh setahun sahaja?
	Tujuan i-Lestari adalah untuk membantu ahli meneruskan kelangsungan hidup ketika berdepan dengan pandemik Covid-19 pada ketika ini. Kerajaan akan terus memantau perkembangan situasi ini dan keperluan pengeluaran ini dari semasa ke semasa dan dijangka impak pandemik Covid-19 akan berakhir selepas tempoh tersebut.